



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No. Sebut Harga : PPJ/JB/SH(S)/0020/2025)

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA PENGANTIAN DUA (2) UNIT SISTEM ESCALATOR DI PUSAT KONVENSYEN
ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC), PRESINT 5, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di dalam **Gred G3 dan ke atas, Kategori MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (ME), Pengkhususan M03 (Lift dan eskalator)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini. Surat kebenaran khas dari CIDB adalah **TIDAK** dibenarkan.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN), jam 10:00 PAGI** di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Dewan 1, Presint 5, Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat atau individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam SPKK adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **11 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)** hingga **18 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **24 SEPTEMBER 2025 (RABU)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat bantuan.coins@ppj.gov.my.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.